

28 SEP 1996

Trak

TRAK DAN BAS NASIONAL DIKELUARKAN SEPTEMBER TAHUN DEPAN

KUANTAN, 28 Sept (Bernama) -- Trak dan bas nasional Malaysia pertama akan dikeluarkan September tahun depan dengan kira-kira 10,000 unit dihasilkan setahun untuk peringkat permulaan.

Pengarah Kumpulan Operasi Automative Manufacturers Malaysia Sdn Bhd (AMM), Haji Ismayudin Abdul Manan berkata jumlah unit yang dikeluarkan itu akan ditambah secara berperingkat-peringkat sehingga kira-kira 20,000 unit setahun.

Untuk permulaan, kira-kira 70 peratus daripada keluaran itu ditumpukan kepada pengeluaran bas, katanya kepada pemberita selepas meraikan 19 anggota rombongan North-China Industry Corporation yang diketuai naib presidennya, Ma Zhi Geng pada jamuan di sini. Turut hadir ialah Menteri Besar Tan Sri Khalil Yaakob.

Pengarah Urusan DRB-Hicom Group Datuk Mohd Saleh Sulong pada Julai lepas berkata syarikat Malaysia Truck and Bus Sdn Bhd akan membelanjakan kira-kira RM120 juta sebagai modal peralatan untuk kilang mengeluarkan trak dan bas itu.

Syarikat Malaysia Truck and Bus Sdn Bhd dimiliki tiga pihak dengan Hicom memegang 40 peratus saham, Diversified Resources Bhd (40 peratus) dan Isuzu Motor Ltd (20 peratus).

Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman mengenainya diadakan di Jepun pada Jun lepas dengan disaksikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ismayudin berkata berkata trak itu, yang akan dikeluarkan daripada kilangnya AMM di Peramu Jaya, Pekan dekat ialah trak antara satu tan dan tujuh tan.

Trak itu bagi pasaran tempatan serta eksport termasuk untuk negara Asean. Beberapa negara juga telah menunjukkan minat mereka ke arah itu, katanya.

Ketika ditanya mengenai model yang akan dikeluarkan, beliau berkata, ia akan bergantung kepada permintaan pasaran.

Mengenai lawatan rombongan North-China Industry Corporation itu beliau berkata, ia merupakan lawatan balas rombongan berkenaan terhadap lawatan Dr Mahathir ke Beijing tidak lama dahulu.

Ia ke arah mewujudkan kerjasama antara North-China Industry Corporation itu dengan syarikat-syarikat automobil di negara ini, katanya. -- BERNAMA

AZ NAK